BANK ISLAM

# TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT
*(Not protected by PIDM)*

# TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

**IMPORTANT NOTICE:**
**THIS IS AN INVESTMENT ACCOUNT PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS, AND IS NOT A DEPOSIT PRODUCT.**

**CUSTOMERS ARE ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF THE BANK'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.**

**NOTIS PENTING:**
**INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.**

**PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK.**

## A. GENERIC TERMS AND CONDITIONS FOR INVESTMENT ACCOUNT (IA)

### 1.0 DEFINITION

In these terms and conditions, unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below:

**"Al-Awfar Account"** or **"Awfar"** means this Investment Account product offered by the Bank based on the Shariah principle of *Mudarabah*.

**"Bank"** means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 98127-X).

**"IFSA"** means the Islamic Financial Services Act 2013 and includes any amendment thereto.

**"Investment Account"** means an account under which money/principal is paid and accepted for the purpose of investment, including for the provision of finance, in accordance with Shariah on terms that there is no express or implied obligation to repay the money in full and:-

a) either only the profits, or both the profits or losses, thereon shall be shared between the person paying the money and the person accepting the money; or
b) with or without any return.

## A. TERMA DAN SYARAT AM AKAUN PELABURAN (IA)

### 1.0 DEFINISI

Di dalam terma dan syarat ini, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:

**"Akaun Al-Awfar "** atau **"Awfar"** bermaksud produk Akaun Pelaburan ini yang ditawarkan oleh Bank berdasarkan kepada prinsip *Mudarabah*.

**"Bank"** bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 98127-X).

**"IFSA"** bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuklah apa-apa pindaan yang dibuat terhadapnya.

**"Akaun Pelaburan"** bermaksud akaun di mana wang/prinsipal yang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, selaras dengan prinsip Syariah dengan terma yang tidak dinyatakan secara nyata atau tersirat bahawa tanggungjawab untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan:-

a) sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, yang akan dikongsi di antara orang yang membayar wang dan orang yang menerima wang itu; atau
b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan.

BANK ISLAM

# TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT
*(Not protected by PIDM)*

# TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

**"Investment Account Holder"** or **"IAH"** means the account holder of an Investment Account.

**"Investor Suitability Assessment Form"** means the assessment form to assess the suitability of the prospective IAH on the Investment Account product.

**"*Mudarabah*"** means a form of contract between the capital provider *(rabbul mal)* and an entrepreneur *(mudarib)* under which the *rabbul mal* provides capital to be managed by the *mudarib* and any profit generated from the capital is shared between the *rabbul mal* and *mudarib* based on a mutually agreed profit sharing ratio whilst financial losses are borne by the *rabbul mal* provided that such losses are not due to the *mudarib* 's misconduct, negligence, or breach of specific terms.

**"Product Disclosure Sheet"** or **"PDS"** means the product disclosure sheet containing the relevant information and disclosure of the main terms of the relevant Investment Account product.

**"Unrestricted Investment Account"** means a type of Investment Account where the IAH provides the Bank with the mandate to make the ultimate investment decision without specifying any particular restrictions or conditions.

**"Salary Account"** means Awfar account designated by IAH to receive salary from their employers.

**"Self Service Terminal"** means a terminal which allows the IAH to make cash deposits, withdrawals and/or any other payment transactions in respect of the IAH's accounts opened with the Bank.

**2.0 OPENING OF ACCOUNT**

2.1 The Bank shall be entitled to stipulate and vary, from time to time with notice, the minimum amount of initial placement required to open the account. IAH is also required to maintain a minimum balance as specified by the Bank.

2.2 Any application to open an Al-Awfar Account shall be made by using the prescribed form together with the relevant documents as may be requested by the Bank.

2.3 Unless otherwise exempted, any application to open Al-Awfar Account shall be accompanied by a duly completed Investor Suitability Assessment Form.

2.4 By making an application to open an Al-Awfar Account, the IAH confirms that he/she has read and understood the Product Disclosure Sheet related to Al-Awfar Account.

**"Pemegang Akaun Pelaburan"** atau **"IAH"** bermaksud pemegang akaun bagi Akaun Pelaburan.

**"Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur"** bermaksud borang penilaian untuk menilai kesesuaian bakal Pemegang Akaun Pelaburan bagi produk Akaun Pelaburan.

**"*Mudarabah*"** bermaksud satu bentuk kontrak antara penyedia modal *(rabbul mal)* dan seorang usahawan *(mudarib)* di mana *rabbul mal* menyediakan modal yang akan diuruskan oleh *mudarib* dan apa-apa keuntungan yang dijana daripada modal tersebut akan dikongsi di antara *rabbul mal* dan *mudarib* mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui bersama manakala sebarang kerugian kewangan adalah ditanggung sepenuhnya oleh *rabbul mal* dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku, kecuaian, atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh pihak *mudarib*.

**"Lembaran Maklumat Produk"** atau **"PDS"** bermaksud lembaran yang mengandungi maklumat-maklumat yang berkaitan dan pendedahan tentang terma-terma utama bagi produk Akaun Pelaburan yang berkaitan.

**"Akaun Pelaburan Tidak Terhad"** bermaksud sejenis Akaun Pelaburan di mana IAH memberikan mandat penuh kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu.

**"Akaun Gaji"** bermaksud Akaun Awfar yang ditetapkan oleh IAH untuk menerima gaji dari majikan mereka.

**"Terminal Layan Diri"** bermaksud terminal yang membolehkan IAH melaksanakan deposit tunai, pengeluaran dan/atau sebarang transaksi bayaran lain berkenaan dengan akaun IAH yang dibuka dengan Bank.

**2.0 PEMBUKAAN AKAUN**

2.1 Bank berhak untuk untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa dengan notis, jumlah pelaburan minimum yang diperlukan untuk membuka akaun. IAH juga dikehendaki mengekalkan baki minimum seperti yang dinyatakan oleh Bank.

2.2 Sebarang permohonan untuk membuka Akaun Al-Awfar hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang diminta oleh Bank.

2.3 Permohonan untuk membuka Akaun Al-Awfar hendaklah disertakan dengan satu Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur yang lengkap melainkan jika dikecualikan.

2.4 Dengan membuat permohonan untuk membuka Akaun Al-Awfar, IAH mengesahkan bahawa dirinya telah membaca dan memahami Lembaran Maklumat Produk yang berkaitan dengan Akaun Al-Awfar.

BANK ISLAM

**TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

2.5 By executing the application form for opening of account ("the Product") and/or performing his/her biometric scanning at the Bank, the IAH hereby agrees to invest the money into IAH Al-Awfar Account based on Mudarabah contract for the Bank to invest in whatever way that the Bank deems fit. Any profit made from the said investment shall be shared between the Bank and IAH at the ratio offered by the Bank and shall be credited into the account according to the conditions set by the Bank.

2.5 Dengan menandatangani borang permohonan pembukaan akaun ("Produk") dan/atau membuat imbasan biometrik kepada pihak Bank, IAH dengan ini bersetuju untuk melaburkan wang ke Akaun Al-Awfar berdasarkan kontrak Mudarabah untuk Bank melaburkan seperti mana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank. Sebarang keuntungan yang dijana daripada pelaburan akan dikongsi antara pihak Bank dan IAH pada nisbah yang ditawarkan oleh pihak Bank dan akan dikreditkan ke akaun berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Bank.

2.6 Individuals who have attained the age of at least 18 years are eligible to open an individual or a joint Al-Awfar account. Any person below the age of 18 may open Al-Awfar Account with parents or a legal guardian to act as trustee. It is a condition that until the said minor attains the age of 18 years, any instructions of parents or a legal guardian alone shall be accepted and valid in respect of all transactions related to this account.

2.6 Individu yang telah mencapai usia sekurang-kurangnya 18 tahun layak untuk membuka Akaun Al-Awfar individu atau bersama. Mana-mana individu di bawah umur 18 tahun boleh membuka Akaun Al-Awfar dengan ibu/bapa atau penjaga yang sah bertindak sebagai pemegang amanah. Ia adalah satu syarat nyata bahawa sehinggalah individu bawah umur tersebut mencapai umur 18 tahun, arahan-arahan daripada ibu/bapa atau penjaga yang sah sahaja akan diterima dan sah bagi semua urus niaga yang berkaitan dengan akaun tersebut.

2.7 The Bank is authorised to act on all instructions given in accordance with the signing instructions stated in the account opening form and the Specimen Signature Card (or otherwise provided to and accepted by the Bank). If any instructions are unclear or the Bank receives conflicting instructions, the Bank shall be entitled not to act upon any instructions until the conflict has been resolved to the Bank's satisfaction. IAH are required to use the same style of signature on all withdrawal instructions, cheques, letters etc. as that on the account opening form or the specimen card.

2.7 Bank diberi kuasa untuk bertindak atas semua arahan yang diberikan mengikut arahan penandatanganan yang dinyatakan dalam borang pembukaan akaun dan Kad Tandatangan Spesimen (atau sebaliknya disediakan kepada dan diterima oleh Bank). Jika sebarang arahan tidak jelas atau Bank menerima arahan yang bertentangan, Bank berhad untuk memilih untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik telah diselesaikan berdasarkan kepada kepuasan Bank. IAH dikehendaki menggunakan gaya tandatangan yang sama pada semua arahan pengeluaran, cek, surat dan lain-lain seperti yang terdapat pada borang pembukaan akaun atau kad spesimen.

2.8 The acceptance and continuance of Al-Awfar Account shall be entirely at the discretion of the Bank.

2.8 Penerimaan dan penerusan Akaun Al-Awfar adalah tertakluk sepenuhnya di atas budi bicara Bank.

**3.0 JOINT ACCOUNT**

The following terms and conditions shall apply to a joint-account:-

a) the liability of the joint accountholder to the Bank shall be joint and several;
b) If either one of the joint accountholders should die or become insolvent, the surviving or solvent accountholder shall be entitled to hold, as a trustee, of the deceased/insolvent's portion from the remaining balance in the account and the Bank shall be entitled to continue to act in accordance with the instructions signed by the surviving or solvent accountholder without any liability to the accountholder or heirs of the joint accountholders;
c) should the Bank receive any ambiguous or conflicting instructions from the joint accountholders, the Bank shall be entitled not to act to any or both of the instructions or the Bank shall be entitled to act as it deems fit, without any liability to the joint accountholders.

any amendment to this mandate shall require the signatures of the joint accountholders. Any request to close the account will be treated as valid and acceptable by the Bank if it is signed by all the joint accountholders.

**3.0 AKAUN BERSAMA**

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu akaun bersama:-

a) liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank adalah secara bersama dan berasingan;
b) jika salah seorang daripada pemegang akaun bersama meninggal dunia atau menjadi tidak solven/muflis, pemegang akaun yang masih hidup/solven secara langsung menjadi pemegang amanah untuk bahagian si mati/tidak muflis terhadap baki di dalam akaun dan pihak Bank berhak untuk terus bertindak mengikut arahan yang ditandatangani oleh pemegang akaun yang masih hidup/solven tersebut, tanpa apa-apa liabiliti kepada pemegang akaun atau waris kepada pemegang akaun bersama;
c) sekiranya pihak Bank menerima apa-apa arahan tidak jelas atau bercanggah dari pemegang akaun bersama, pihak Bank berhak untuk tidak bertindak dengan apa-apa atau kedua-dua arahan atau Bank berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkannya patut, tanpa apa-apa liabiliti kepada mana-mana pemegang akaun bersama.

d) apa-apa pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada pemegang akaun bersama.

BANK ISLAM

## TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT
*(Not protected by PIDM)*

## TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank jika ia ditandatangani oleh semua pemegang akaun bersama.

**4.0 PARTNERSHIP ACCOUNT**

The following terms and conditions shall apply to a partnership account:-

a) The liability of the joint accountholder to the Bank shall be joint and several;
b) If any of the partners to the partnership dies or is adjudicated bankrupt or the firm is dissolved with or without reason whatsoever, the remaining balance in the account shall be divided/distributed based on the partnership agreement (i.e. the partnership agreement in the Bank's record) or if no partnership agreement is entered be divided or distributed based on the court's order or order by any other appropriate authority who has the authority over distribution of the estate or at the Bank's discretion is payable to the remaining partners, as the trustee for the deceased heirs, with any fraction which the Bank's deem appropriate subject to the Bank's prevailing policies.
c) Any instruction issued pertaining to the operation of the partnership account shall remain enforceable until it is revoked in writing without taking into consideration of any amendments made to the constitution or the firm's name and it is applicable without taking into consideration of the firm's membership affected by the death of the partner, bankruptcy and retirement or with the entry of the new partner.
d) If the Bank received any ambiguous or conflicting instructions from the partners and/or the authorised signatories of the partnership account, the Bank is entitled not to act based on any of the instructions or to proceed accordingly as it deems fit, without any liability to the partners and/or authorised signatories of the partnership account.
e) Unless agreed otherwise by all partners, any amendment to the mandate would require agreement and signature from all partners. Any request to close the account will be deemed valid and acceptable by the Bank if it is agreed and signed by all partners.

**4.0 AKAUN PERKONGSIAN**

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu akaun perkongsian:-

a) Liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank adalah secara bersama dan berasingan;
b) Jika salah seorang daripada rakan kongsi kepada perkongsian meninggal dunia atau menjadi muflis atau firma dibubarkan dengan atau tanpa sebab, baki jumlah di dalam akaun perkongsian IAH akan dibahagikan mengikut perjanjian perkongsian oleh rakan kongsi (iaitu perjanjian perkongsian yang berada di dalam simpanan pihak Bank) atau sekiranya tiada perjanjian perkongsian dimasuki, dibahagikan secara sama rata atau mengikut pembahagian yang dinyatakan di dalam perintah Mahkamah atau badan yang berkuasa bagi urusan pembahagian atau mengikut budibicara pihak Bank adalah patut dibayar mengikut sebarang pecahan yang dirasakan sesuai kepada rakan kongsi yang masih hidup sebagai pemegang amanah untuk waris si mati dan juga tertakluk kepada polisi semasa pihak Bank.
c) Apa-apa arahan yang diberikan untuk pengoperasian akaun perkongsian akan kekal berkuatkuasa sehingga ianya dibatalkan secara bertulis tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam perlembagaan atau nama firma dan adalah terpakai tanpa mengambil kira perubahan dalam keahlian firma samada akibat kematian, kebankrapan dan persaraan atau dengan kemasukan rakan kongsi yang baru.
d) Sekiranya pihak Bank menerima apa-apa arahan tidak jelas atau bercanggah daripada mana-mana IAH atau penandatangan sah akaun tersebut, pihak Bank berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkannya patut atau tidak bertindak terhadap mana-mana arahan, tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana rakan kongsi dan/atau penandatangan sah akaun perkongsian tersebut.
e) Melainkan dipersetujui sebaliknya oleh kesemua rakan kongsi, sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua rakan kongsi. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank jika ia ditandatangani oleh semua rakan kongsi.

**5.0 INVESTMENT ACTIVITIES**

5.1 Al-Awfar Account is an Unrestricted Investment Account product that is based on the Shariah principle of *Mudarabah*.

5.2 Under Al-Awfar Account, the IAH as the capital provider or *rabbul mal* shall provide capital to be managed by the Bank acting as the entrepreneur or *mudarib* with a view of sharing profits arising from the investment activities managed by the Bank.

5.3 The IAH acknowledges that he/she fully understands the risks associated with Al-Awfar Account including the possibility to

**5.0 AKTIVITI PELABURAN**

5.1 Akaun Al-Awfar merupakan produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad yang berasaskan prinsip *Mudarabah*.

5.2 Di bawah Akaun Al-Awfar, IAH sebagai penyedia modal atau *rabbul mal* akan menyediakan modal yang akan diuruskan oleh Bank yang bertindak sebagai usahawan atau *mudarib* dengan tujuan untuk perkongsian keuntungan yang akan dijana daripada aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Bank.

5.3 IAH mengakui bahawa dia telah memahami sepenuhnya segala risiko yang berkaitan dengan Akaun Al-Awfar termasuk kemungkinan untuk mengalami kerugian kewangan secara

**TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

incur financial losses in whole or in part of his/her capital investment in Al-Awfar Account.

**6.0 PROFIT AND LOSS**

6.1 Any profits deriving from the investment activities, if any, shall be shared between the Bank and the IAH in accordance with the agreed profit sharing ratio as set out in the PDS.

6.2 The profit sharing ratio and the calculation of profits shall be as set out in the PDS.

6.3 The profits, if any, shall be paid monthly or such other interval as set out in the PDS.

6.4 Profits generated from the investment are shared in accordance with the terms in the contract and losses (if any) shall be borne solely by the investor and the Bank will not be responsible or liable to bear any losses except for losses which are due to or arising from any act of misconduct, negligence or breach of specific terms by the Bank.

**7.0 INVESTMENT OBJECTIVES AND STRATEGIES**

7.1 Al-Awfar Account shall be governed by the investment objectives and strategies as set out in the PDS.

**8.0 VALUATION METHOD AND FREQUENCY**

8.1 Valuation will be carried out in line with the recognition and measurement criteria of the applicable Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS). IAH will be able to obtain information pertaining to the Investment Account from Bank Islam website on www.bankislam.com

**9.0 PLACEMENT**

9.1 Placement may be made into the account with or without a passbook.

9.2 Inter branch placement are allowed subject to prescribed charges, if any.

9.3 Acceptance of cheques and other monetary instruments for the credit transaction shall be at the discretion of the Bank.

9.4 Cheques and other monetary instruments, deposited and subsequently dishonoured, must be collected by the IAH within the validity of the cheque. Uncollected cheques will be retained for 7 years before disposal.

**10.0 WITHDRAWAL**

10.1 Any withdrawals to be made from the account may be subject to such requirements of the Bank and/or subject to prevailing practice of the Bank, and/or subject to such proof of identity as the Bank may require.

10.2 Inter branch withdrawals are allowed subject to the limits and prescribed charges, if any.

keseluruhan atau sebahagian daripada pelaburan modal di dalam Akaun Al-Awfar tersebut.

**6.0 KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN**

6.1 Apa-apa keuntungan yang diperolehi dari aktiviti pelaburan, jika ada, hendaklah dikongsi di antara Bank dan IAH mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui seperti yang dinyatakan di dalam PDS.

6.2 Nisbah perkongsian keuntungan dan pengiraan keuntungan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan di dalam PDS.

6.3 Keuntungan, jika ada, adalah dibayar secara bulanan atau pada jangka masa seperti yang dinyatakan di dalam PDS.

6.4 Keuntungan yang dijana daripada pelaburan akan dikongsi bersama Bank dan IAH mengikut terma-terma di dalam kontrak dan kerugian (jika ada) akan ditanggung sepenuhnya oleh pelabur dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kerugian kecuali kerugian yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada apa-apa perbuatan salah laku, kecuaian atau pelanggaran terma-terma khusus oleh Bank.

**7.0 OBJEKTIF PELABURAN DAN STRATEGI**

7.1 Objektif dan strategi pelaburan Akaun Al-Awfar adalah seperti yang dinyatakan di dalam PDS.

**8.0 KAEDAH PENILAIAN DAN KEKERAPAN**

8.1 Penilaian akan dilaksanakan selaras dengan pengiktirafan dan pengukuran kriteria Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). IAH boleh mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan Akaun Pelaburan dari laman web Bank Islam di www.bankislam.com

**9.0 PELABURAN**

9.1 Pelaburan boleh dimasukkan ke dalam akaun dengan atau tanpa buku simpanan.

9.2 Pelaburan antara cawangan adalah dibenarkan tertakluk kepada caj yang ditetapkan, jika ada.

9.3 Penerimaan cek dan instrumen kewangan lain bagi transaksi kredit adalah tertakluk kepada budi bicara Bank.

9.4 Cek dan instrumen kewangan lain yang dideposit dan selepas itu tidak diterima, perlu diambil semula oleh IAH dalam tempoh masa sah cek. Cek yang tidak diambil oleh IAH akan disimpan sehingga 7 tahun sebelum dilupuskan.

**10.0 PENGELUARAN**

10.1 Sebarang pengeluaran yang ingin dibuat daripada akaun yang berkenaan tertakluk kepada sebarang keperluan Bank dan/atau tertakluk kepada amalan Bank yang berkuat kuasa, dan/atau tertakluk kepada bukti pengenalan diri seperti yang dikehendaki oleh Bank.

10.2 Pengeluaran antara cawangan dibenarkan tertakluk kepada had dan caj yang ditetapkan, jika ada.

BANK ISLAM

**TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

10.3 Cash withdrawals via Automated Teller Machine (ATM) shall be subject to the terms and conditions governing the operations of Debit Card-i.

10.3 Pengeluaran tunai melalui Mesin Juruwang Automatik (ATM) adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal operasi Kad Debit-i.

10.4 IAH is required to maintain minimum balance and any withdrawal below the minimum balance cannot be performed unless account is closed.

10.4 IAH perlu mengekalkan baki minimum dan sebarang pengeluaran di bawah baki minimum tidak boleh dilakukan melainkan akaun tersebut ditutup.

10.5 Notwithstanding the foregoing or anything contained herein, the Bank shall have the right to suspend any withdrawal of Al-Awfar Account under any of the following circumstances:-

a) Market wide failure or financial/economic crisis which includes but not limited to stock market crash or asset-price crash;
b) Exceptional operational failure such as wide-scaled black-out or system failure;
c) Underlying assets shall not be capable of being liquidated at appropriate price;
d) The IAH's interest will be at jeopardy if redemption is not suspended; or
e) Any other events or circumstances which the Bank may at its reasonable discretion determine.

10.5 Walau apa pun yang tersebut di atas atau apa pun yang terkandung di dalam terma ini, Bank mempunyai hak untuk menggantung mana-mana pengeluaran Akaun Al-Awfar di bawah mana-mana hal atau keadaan yang berikut:-

a) Kegagalan pasaran luas atau krisis kewangan/ekonomi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kejatuhan pasaran stok atau kemerosotan harga aset;
b) Kegagalan operasi luar biasa seperti bekalan elektrik terputus berskala besar atau kegagalan sistem;
c) Aset asas yang tertentu tidak mampu dicairkan pada harga yang sesuai;
d) Kepentingan IAH akan terjejas jika penebusan tidak digantung; atau
e) Apa-apa peristiwa atau hal keadaan lain yang tertakluk pada budi bicara Bank.

**11.0 FEES AND CHARGES**

11.1 IAH agrees that the Bank shall have the right to debit the IAH's current or other any account(s) maintained with the Bank (including to liquidate account which give effects to premature redemption) for payment of fees and charges as stated in any terms and conditions, product disclosure sheet, the Bank's corporate website and/ or as communicated by the Bank from time to time

**11.0 YURAN DAN CAJ**

11.1 IAH bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mendebitkan akaun semasa atau lain-lain akaun IAH yang terdapat di Bank (termasuk pencairan akaun untuk menyempurnakan penebusan pramatang) untuk pembayaran fi dan caj yang dinyatakan dalam apa-apa terma dan syarat , lembaran pendedahan produk, laman web korporat Bank dan / atau yang disampaikan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**12.0 STATEMENT OF ACCOUNT**

12.1 The statement of account issued by the Bank shall be deemed to be valid if not disputed within 14 calendar days from the date of statement.

12.2 The Bank will issue monthly statement to IAH. Any request by the IAH for statement over the counter (OTC) is subject to payment of charges (auto deduction) as described on the Bank's website.

12.3 The Bank may not send the account statement if the account is dormant or inactive for a period as determined by the Bank. The Bank may also discontinue sending the account statement if the statement is unclaimed or undeliverable for any reason.

**12.0 PENYATA AKAUN**

12.1 Penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank akan dianggap sah jika tidak dipertikaikan dalam 14 hari kalendar dari tarikh penyata akaun.

12.2 Bank akan mengeluarkan penyata bulanan kepada IAH. Sebarang permintaan oleh IAH untuk penyata di kaunter (OTC) akan tertakluk kepada pembayaran caj (potongan secara automatik) seperti yang telah dinyatakan di laman web Bank.

12.3 Bank dibolehkan untuk tidak menghantar penyata akaun jika akaun dorman atau tidak aktif bagi tempoh yang ditentukan oleh Bank. Bank juga boleh menghentikan penghantaran penyata akaun jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat dihantar atas apa-apa sebab sekalipun.

**13.0 PASSBOOK**

13.1 The IAH shall keep the passbook under lock and key at all times. The Bank shall not accept responsibility for any loss caused by negligence where any person shall obtain possession of the passbook and fraudulently withdraw any sum belonging to IAH from the passbook.

13.2 The Bank will replace the passbook with a new one if the passbook is worn out or defaced.

**13.0 BUKU SIMPANAN**

13.1 IAH akan menyimpan buku simpanan dengan cermat dan selamat pada setiap masa. Bank tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian yang berpunca daripada kecuaian IAH di mana orang lain telah berjaya mengeluarkan wang secara penipuan daripada buku simpanan tersebut.

13.2 Bank akan menggantikan dengan buku simpanan yang baru sekiranya buku simpanan telah luntur atau rosak.

TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT
*(Not protected by PIDM)*

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

13.3 The IAH shall immediately notify the Bank in writing on the loss or destruction of the passbook. The Bank shall issue a new passbook upon production of such evidence and execution of such Indemnity Letter as the Bank may require.

13.3 IAH dikehendaki segera memberitahu pihak Bank secara bertulis sekiranya buku simpanan telah hilang atau musnah. Pihak Bank akan mengeluarkan buku simpanan baru setelah mengemukakan bukti berkenaan dan menandatangani Surat Pelepasan Tanggungan yang diperlukan.

13.4 The IAH shall bring the passbook to the nearest Branch for updating purposes if any previous transaction without the passbook occurred.

13.4 IAH dikehendaki membawa buku simpanan ke cawangan Bank yang terdekat untuk pengemaskinian sekiranya terdapat urusan tanpa buku simpanan telah dibuat.

13.5 The IAH is required to keep the passbook safely and to immediately report, in writing, of its loss or theft to the Bank. The replacement of lost certificate may be issued against a duly signed and stamped Letter of Indemnity, subject to payment of a stamp duty of RM10 or such other amount as the Bank may determine from time to time.

13.5 IAH perlu menyimpan buku simpanan dalam keadaan selamat dan dikehendaki dengan segera melaporkan secara bertulis, tentang kehilangan atau kecurian ia kepada Bank. Penggantian buku simpanan yang hilang hanya akan dikeluarkan selepas Bank menerima Surat Pelepasan Tanggungan yang telah ditandatangani oleh IAH berserta pembayaran caj setem hasil sebanyak RM10 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

**14.0 AUTHORISATION**

14.1 All cheques, banker's cheques, bank's drafts, Negotiable Islamic Debt Certificate, money orders, postal orders, warrants and other instruments invested which have been dishonoured shall be returned by hand or by registered post to the IAH's address last registered with the Bank at the IAH's risk and expenses. Save for negligence on the part of the Bank, the Bank shall not be responsible or liable for any unauthorised entries in the IAH's account. The IAH shall therefore carefully examine the entries in the account and notify the Bank of any errors, irregularities, discrepancies, claims or unauthorized debits or items whether made, processed or paid as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whatsoever. Failure by the IAH to notify the Bank in writing of the non-receipt of the statement or failure to notify the Bank in writing of any errors, discrepancies, irregularities or unauthorized claims, debits or transactions in the statement within fourteen (14) calendar days from the date of the statement (whether or not received by the IAH), the records on the statement shall be conclusive evidence that transaction(s) stated in the said statement is/are properly carried out and the IAH shall be deemed conclusively to have accepted all matters contained in the statement as true and accurate in all respects. Any disputes as to the transactions brought to the Bank's notice after the said fourteen (14) calendar days shall not be entertained by the Bank.

**14.0 KEBENARAN**

14.1 Semua cek, cek jurubank, draf bank, Sijil Hutang Islam Boleh Niaga, kiriman wang, wang pos, waran dan sebarang surat cara melabur yang tidak laku akan dikembalikan dengan tangan atau melalui pos berdaftar ke alamat IAH yang terakhir yang didaftarkan dengan Bank di atas risiko dan perbelanjaan IAH. Melainkan terdapat kecuaian pada pihak Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemasukan atau catatan (entry) yang tidak dibenarkan di dalam akaun IAH. IAH hendaklah berhati-hati semasa memeriksa catatan di dalam akaun dan memaklumkan kepada pihak Bank tentang apa-apa kesilapan, ketaksamaan, percanggahan, tuntutan atau debit tanpa kebenaran atau butiran yang sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, tiada kebenaran, kecuaian atau selainnya oleh mana-mana orang sekalipun. Kegagalan oleh IAH untuk memberitahu pihak Bank secara bertulis tentang kegagalan menerima penyata atau gagal memberitahu Bank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan, ketaksamaan atau tuntutan, debit atau urusniaga tanpa kebenaran pada penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata (sama ada diterima atau tidak oleh IAH), rekod dalam penyata adalah keterangan muktamad bahawa urus niaga yang dinyatakan di dalam penyata tersebut telah dijalankan dengan betul dan IAH dianggap dengan muktamad telah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata itu sebagai benar dan tepat dalam semua hal. Apa-apa pertikaian tentang urusniaga yang dikemukakan untuk perhatian Bank selepas tempoh empat belas (14) hari tersebut tidak akan dilayan oleh Bank.

**15.0 RIGHT OF LIEN, SET OFF AND WITHHOLDING OF FUNDS**

15.1 The IAH agrees that the Bank has the right at any point of time to:-

a) Demand IAH to refund of and/or to debit the IAH's account(s) and/or set-off any balances in any account(s) for any overpayment into any IAH's account(s) arising from error, irregularity or omission, whether attributable to the Bank, in the course of carrying IAH's instructions or in any other occasions whatsoever.

**15.0 HAK TERHADAP LIEN, TOLAKAN DAN PENAHANAN DANA**

15.1 IAH bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:-

a) Meminta bayaran balik daripada IAH dan/atau mendebit akaun IAH dan/atau melakukan tolakkan mana-mana baki di dalam mana-mana akaun IAH untuk apa-apa lebihan bayaran ke dalam mana-mana akaun IAH yang terhasil daripada kesilapan, tidak aturan atau peninggalan, sama ada disebabkan oleh pihak Bank, di

BANK ISLAM

**TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

b) Set off any money in any of the IAH's accounts including amount deriving from the profit sharing investments with the Bank (whether matured or otherwise) and/or any investment/deposit products and/or receivables held in any of the IAH's accounts, towards satisfaction of any of IAH's liabilities to the Bank.

c) Debit the applicable amount from IAH's account without prior consent if IAH is not the intended beneficiary in the following events:
   i) Mistaken payment instruction caused by third party who initiates the transaction (Originator) that is directed to wrong recipient, carry wrong amount, or are duplicate;
   ii) Erroneous payment instructions that were incorrectly transferred by other financial institution or Bank Islam to other parties which include but not limited to generating invalid, incorrect, misdirected or duplicated transaction on behalf of Originator due to technical errors or operational errors that are not the fault of the Originator;
   iii) Erroneous payments caused by payment system may be due to technical or operational errors that result in incorrect or duplicated transaction; or
   iv) Unauthorised or fraudulent payment instruction that were not initiated by the Originator or transaction which have been induced by dishonest or fraudulent means for the benefit of a party other than the party intended by the Originator.

dalam proses menjalankan arahan IAH, atau di dalam apa jua keadaan selainnya.

b) Melakukan tolakan bagi mana-mana wang di dalam mana-mana akaun IAH termasuk daripada jumlah terhasil daripada perkongsian keuntungan pelaburan dengan pihak Bank (sama ada matang atau selainnya) dan/atau mana-mana produk pelaburan/deposit dan/atau jumlah yang masih terhutang simpan di dalam mana-mana akaun IAH, bagi melunaskan liabiliti-liabiliti IAH kepada pihak Bank.

c) Mendebit jumlah yang berkenaan daripada akaun IAH tanpa mendapat persetujuan terlebih dahulu jika IAH bukanlah penerima yang dimaksudkan dalam situasi berikut:
   i) Kesilapan arahan pindahan wang disebabkan oleh pihak ketiga yang memulakan transaksi (Pemula) kepada penerima yang salah, menunjukkan jumlah yang salah, atau merupakan pendua;
   ii) Kesilapan arahan pindahan wang oleh institusi kewangan lain atau Bank Islam kepada pihak-pihak lain yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran transaksi yang tidak sah, tidak betul, salah arahan atau pendua bagi pihak Pemula disebabkan oleh kesilapan teknikal atau kesilapan operasi yang mana ia bukan kesilapan Pemula;
   iii) Kesilapan pindahan wang disebabkan oleh sistem bayaran yang berkemungkinan berpunca daripada kesilapan teknikal atau operasi yang menyebabkan transaksi tidak betul atau pendua; atau
   iv) Arahan pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan yang tidak dilakukan oleh Pemula atau transaksi yang didorong oleh ketidakjujuran atau penipuan untuk tujuan keuntungan sesuatu pihak selain daripada yang dimaksudkan oleh Pemula.

15.2 In the event there is amount due, owing and payable by IAH, the Bank may refuse withdrawals of or refuse to discharge any IAH's accounts, balances, funds and/or assets. The Bank is authorised to realise (whether at or before maturity) any of IAH's deposits, investment products and/or assets whatsoever held with the Bank until all monies due, owing, and payable to the Bank is fully settled by IAH.

15.2 Sekiranya terdapat jumlah belum dibayar, terhutang, dan perlu dibayar oleh IAH, pihak Bank boleh menahan pengeluaran atau menahan daripada melepaskan mana-mana akaun, jumlah baki, dana dan/atau aset IAH. Pihak Bank dibenarkan untuk mencairkan (sama ada pada atau sebelum tarikh matang) mana-mana produk deposit, pelaburan, dan/atau apa jua aset IAH yang dipegang oleh pihak Bank sehingga kesemua wang yang belum dibayar, terhutang, dan perlu dibayar dijelaskan sepenuhnya oleh IAH.

**16.0 INACTIVE/DORMANT ACCOUNTS/UNCLAIMED MONIES**

**16.0 AKAUN TIDAK AKTIF/AKAUN DORMAN/WANG TAK DITUNTUT**

16.1 IAH shall transact at least once a year. The Bank shall consider the account as dormant if the account is not active for a period of 1 year from the last transaction date.

16.1 IAH perlu melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi dalam setahun. Bank akan mengklasifikasikan akaun sebagai dorman jika akaun tidak aktif untuk tempoh 1 tahun dari tarikh transaksi terakhir.

16.2 Any credit balance standing to the Al-Awfar Account which has not been operated for 7 years or more will be transferred to the Registrar of Unclaimed Moneys under the Unclaimed Moneys Act (UMA) 1965.

16.2 Mana-mana baki kredit yang ada di dalam Akaun Al-Awfar yang tidak beroperasi selama 7 tahun atau lebih akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut (UMA) 1965.

16.3 Subject to Clause 11.1, an annual service charge shall be imposed and deducted from the account so long as it remains dormant. The service charge will be charged (auto deduction) until the remaining balances are sent to the Registrar of Unclaimed Moneys.

16.3 Tertakluk kepada Klausa 11.1, caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak dari akaun selagi ia kekal tidak aktif. Bayaran perkhidmatan akan dikenakan (potongan secara automatik) sehingga baki yang tinggal dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

**TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

16.4 For account with balance up to RM5.00, the credit balance in the account will be deducted as service charge and the account thereafter shall be closed.

16.4 Untuk akaun dengan baki sehingga RM5.00, baki kredit di dalam akaun akan ditolak sebagai caj perkhidmatan dan selepas itu akaun akan ditutup.

**17.0 FREEZING, HOLDING, SUSPENDING AND/OR CLOSING OF ACCOUNT**

17.1 The Bank may freeze, hold, suspend, close and/or place any other appropriate tagging on IAH's account whatsoever and dealing with the balances in the IAH's account at the Bank's discretion upon receipt of the notice of death, insanity, bankruptcy and winding-up or upon being served with order from court, relevant authorities, or enforcement agencies, or at the Bank's opinion proper and necessary to do so (where it is final and binding).

17.2 The Bank may also close/terminate the account upon occurrence of any of the following events:-

a) The IAH is insolvent or in liquidation; or
b) Cheque deposit is returned or dishonoured; or
c) Withdrawal by the IAH of all amount deposited or if the balance of account fall below the minimum balance allowed as specified under Clause 10.4; or
d) The IAH commits breach of any of the terms and conditions herein; or
e) The IAH does not accept any alteration and amendment to the terms and conditions, and the provision under Clause 16.2; or
f) Instruction from any law enforcement agencies; or
g) Any other events which the Bank deems appropriate.

**17.0 PEMBEKUAN, PENAHANAN, PENGGANTUNGAN DAN/ATAU PENUTUPAN AKAUN**

17.1 Pihak Bank boleh membekukan, menahan, menggantung, menutup dan/atau meletakkan apa-apa tanda lain yang sesuai pada akaun IAH dan menguruskan baki-baki di dalam akaun IAH mengkut budi bicara pihak Bank apabila menerima notis kematian, hilang akal, muflis, dan bankrap atau apabila disampaikan perintah daripada mahkamah,mana-mana pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan, atau mengikut pendapat pihak Bank adalah sesuai dan perlu untuk berbuat demikian (yang mana ianya muktamad dan mengikat).

17.2 Pihak Bank juga boleh menutup/menamatkan akaun tersebut jika berlaku mana-mana perkara berikut:-

a) IAH muflis/tidak solven atau di dalam proses penggulungan; atau
b) Deposit cek dipulangkan atau dikembalikan; atau
c) IAH mengeluarkan kesemua amaun yang telah dilaburkan atau baki akaun di bawah jumlah minimum yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di dalam Klausa 10.4; atau
d) IAH melanggar mana-mana peraturan dan syarat-syarat yang telah dipersetujui; atau
e) IAH tidak bersetuju pada sebarang perubahan atau pindaan pada mana-mana terma dan syarat ini, dan peruntukan dibawah Klausa 16.2; atau
f) Arahan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang; atau
g) Mana-mana keadaan lain yang dirasakan sesuai oleh pihak Bank.

**18.0 ADDITIONAL TERMS AND CONDITIONS**

18.1 Al-Awfar Account shall further be governed by and subject to the rules, regulations and guidelines issued by Bank Negara Malaysia from time to time. The IAH agrees that the services currently and/or at any time offered by the Bank to IAH shall be dependent upon and subject to the said rules, regulations and guidelines.

18.2 Subject to the Shariah rules and principles, the Bank reserves the right to vary any or all the terms and conditions at any time. Any such variation shall be communicated to the IAH at least 21 calendar days prior to the effective date of such variation. The notice of variation may be communicated by way of display of such notices in the Bank's premises or advertised or by any other modes of communication as the Bank may deem fit.

18.3 If there is any change in the IAH's personal data for example address, the IAH shall notify the Bank immediately. This is important to ensure that all communications reach the IAH promptly.

**18.0 TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN**

18.1 Akaun Al-Awfar adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. IAH bersetuju bahawa perkhidmatan pada masa ini dan / atau pada bila-bila masa yang ditawarkan oleh Bank kepada IAH akan bergantung dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan tersebut.

18.2 Tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah, Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau kesemua terma dan syarat pada bila-bila masa. Sebarang perubahan hendaklah dimaklumkan kepada IAH sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut. Notis perubahan boleh dimaklumkan dengan memaparkan notis tersebut di premis Bank atau dalam apa jua bentuk komunikasi yang lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.

18.3 Jika terdapat sebarang perubahan pada data peribadi seperti alamat IAH, IAH hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa semua komunikasi kepada IAH dapat dilaksanakan secara berkesan dan segera.

**TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

18.4 For the purpose of transactions at Self Service Terminal, Al-Awfar Account may appear as Savings Account.

18.5 The Bank shall provide a fund performance report to the IAH on a quarterly basis. The format and contents of the fund performance report shall be in such form as may be determined by the Bank.

18.6 In the event that any of the provision in these terms and conditions is invalid, illegal and unenforceable under any applicable law or by any reasons whatsoever, the legality and enforceability of the remaining provisions shall not be affected.

**19.0 DISCLOSURE OF INFORMATION**

19.1 The Bank will not reveal personal data of the IAH including address, telephone number or email address to any external party other than parties listed below (the “Authorized Parties”) other than for the purpose connected with the operation of the IAH’s account, unless the Bank has the IAH permission, or is under either a legal obligation or any other duty to do so:-

a) any officer, employee, agent or director of Bank Islam Group which includes the holding company(s) of the Bank, its subsidiaries, associated companies, affiliates, representatives and branch offices;
b) relevant third parties such as professional advisers, strategic business partners and alliances, service providers, insurers/Takaful operator or insurance/Takaful brokers, outsourced agents, merchants, vendors, business partners and business agents who supports the operational activities of the Bank and whom are under legal obligation to the confidentiality of IAH’s data;
c) any actual or potential participants or assignee, novatee or transferee of the Bank’s rights and/or obligations under any transaction between the Bank and IAH (or any agents or professional advisers);
d) any rating agency or direct/ indirect provider of credit protection to the Bank;
e) any party as required by any law or any government, quasi-government, administrative, regulatory/supervisory body or authority, court or tribunal;
f) any credit reference agency that the Bank uses for credit assessment or credit review of IAH and parties related to the facilities provided by the Bank to IAH;
g) any financial crime references agencies, other financial institution and any of their respective agents;
h) any guarantor or collateral provider for IAH’s facilities.

19.2 The IAH hereby expressly consents to such disclosure and confirms and declares that the terms contained therein shall be subject to the Privacy Statement in connection with the Personal Data Protection Act 2010 signed with the Bank and

18.4 Bagi tujuan transaksi di Terminal Layan Diri, Akaun Al-Awfar akan dipaparkan sebagai Akaun Simpanan.

18.5 Bank akan menyediakan laporan prestasi dana kepada IAH pada setiap suku tahun. Format dan kandungan laporan prestasi dana adalah di dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

18.6 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekalipun, kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.

**19.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT**

19.1 Bank tidak akan mendedahkan data peribadi IAH termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel kepada mana-mana pihak luar yang lain daripada pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan") selain daripada untuk tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun IAH, melainkan jika Bank mendapat kebenaran daripada IAH, atau sama ada terletak di bawah tanggungjawab undang-undang atau apa-apa kewajipan lain untuk berbuat demikian:-

a) mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Kumpulan Bank Islam yang merangkumi syarikat induk Bank, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu, wakil dan pejabat cawangan;
b) pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans/pengendali Takaful atau insurans/broker Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang berada di bawah kewajipan undang-undang untuk kerahsiaan data anda;
c) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak-hak dan / atau kewajipan Bank di bawah apa-apa transaksi antara pihak Bank dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional);
d) mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung/tidak langsung perlindungan kredit kepada Bank;
e) mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan/penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal;
f) mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank;
g) apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing;
h) mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan anda.

19.2 IAH dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Kenyataan Privasi yang berkaitan dengan Perlindungan Data

**TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

in the event of any inconsistency between the terms contained herein with the terms as set out in the Privacy Statement, the terms and conditions in the Privacy Statement shall prevail.

Peribadi 2010 Akta yang ditandatangani dengan Bank dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi, terma dan syarat di dalam Kenyataan Privasi akan diguna pakai.

19.3 The IAH further acknowledges that the information provided by IAH to the Bank including the information regarding the IAH and any reportable account(s) may be shared with the tax authorities of the country/jurisdiction in which this account(s) is/are maintained and/or exchanged with any tax authorities of another country/jurisdiction or countries/jurisdictions in which the IAH may be the tax resident pursuant to intergovernmental agreements in which the Bank has obligation to exchange any account information.

19.3 IAH mengakui bahawa maklumat yang diberikan oleh IAH kepada Bank Islam, termasuk maklumat mengenai IAH dan sebarang akaun yang boleh dilaporkan boleh dikongsi dengan pihak berkuasa cukai negara/bidang kuasa dimana akaun ini diselenggara, dimiliki dan/atau dipertukar dengan mana-mana pihak berkuasa cukai negara/bidangkuasa lain atau negara/negara dimana IAH boleh menjadi pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan dimana Bank Islam mempunyai kewajiban untuk membuat pertukaran terhadap apa-apa maklumat akaun.

**20.0 ANTI MONEY LAUNDERING AND COUNTER FINANCING OF TERRORISM**

20.1 In order to comply with local or foreign law, regulations, voluntary codes, directives, judgments or court orders, and any authorities, regulators or enforcement agencies, policies, good practice, government sanctions or embargoes, reporting requirements under financial transactions legislation and demands or requests of any authority, regulator, tribunal, enforcement agencies, exchange bodies, the Bank may:-

a) Be prohibited from entering or concluding transactions involving certain persons or entities (e.g. person or entity that is itself sanctioned or is connected to or dealing with (directly or indirectly) any person or entity that is sanctioned under economic and trade sanctions imposed by any regulator in any jurisdiction.
b) Report suspicious transactions or potential breaches of sanctions to an authority in any jurisdiction to which the Bank may need or decide to disclose. Transactions impacted include those that may:-
   i) involve the provision of finance to any person involved or suspected of involvement in terrorism or any terrorist act;
   ii) be relevant to investigation of an actual or attempted evasion of tax law, investigation of or prosecution of a person for an offence against any applicable law; or
   iii) involve persons or entities which may be the subject of sanctions.
c) Intercept and investigate any payment messages and other information or communications sent to or by the IAH or on behalf of the IAH and may delay, block or refuse to make any payment and payment screening may cause a delay in processing certain information.
d) Take any action it believes to be necessary, which includes freezing of funds, preventing operation of an account, refusing a request for funds from the IAH, not allowing IAH to use a product, or delaying or cancelling a transaction. The Bank need not notify the IAH until a reasonable time after it is permitted to do so under those law or policies. The Bank will not be liable for any loss arising out of any action taken or any delay or failure by

**20.0 ANTI PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN**

20.1 Untuk mematuhi undang-undang tempatan, luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan yang baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan laporan di bawah undang-undang dan permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguat kuasa, badan pertukaran, pihak Bank boleh:-

a) Melarang untuk memasuki atau menyelesaikan transaksi yang melibatkan individu atau entiti tertentu (contohnya individu atau entiti yang dipersetujui atau dihubungkan dengan atau berurusan dengan (secara langsung atau tidak langsung) mana-mana individu atau entiti yang dikenakan di bawah sekatan ekonomi dan perdagangan yang dikenakan oleh mana-mana pengawal selia di bawah mana-mana bidang kuasa
b) Melaporkan transaksi yang mencurigakan atau potensi pelanggaran sekatan kepada pihak berkuasa di mana-mana bidang kuasa di mana pihak Bank mungkin perlu memutuskan untuk mendedahkan. Transaksi yang terlibat termasuk yang mungkin:-
   i) melibatkan penyediaan kewangan kepada mana-mana orang yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau apa-apa tindakan pengganas;
   ii) mempunyai kaitan yang relevan berkaitan dengan siasatan terhadap suatu undang-undang percukaian atau percubaan yang sebenarnya, penyiasatan atau pendakwaan terhadap seseorang untuk suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berlaku; atau
   iii) melibatkan orang atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan.
c) Memintas dan menyiasat apa-apa mesej pembayaran dan maklumat atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh IAH atau bagi pihak IAH dan boleh melambatkan, menyekat atau enggan membuat apa-apa bayaran dan pemeriksaan pembayaran boleh menyebabkan kelewatan memproses maklumat tertentu.
d) Mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu, yang merangkumi pembekuan dana, menghalang operasi

BANK ISLAM

**TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

the Bank, in performing any of its duties or other obligations, caused in whole or in part by any steps taken as set out above.

e) Not to accept any deposit of any money or cheques and/or allow or carry out any other transaction including withdrawals of money in respect of IAH's account including but not limited to any transfers and telegraphic transfer of moneys from or to IAH's account if the Bank has a reason to believe or is made aware of by third parties or relevant authorities that the IAH's account is being used for or implicated in fraud, potential fraud, financial crimes, illegal activities, soliciting illegal financial investment schemes, money laundering or terrorism financing activities. The Bank too shall (subject to the extent permitted by law), reserves the right to close, freeze or otherwise deal with the IAH's account as the Bank deems fit.

akaun, menolak permintaan dana dari IAH, tidak membenarkan IAH menggunakan produk, atau melambatkan atau membatalkan transaksi. Pihak Bank tidak perlu memberitahu IAH sehingga masa yang munasabah selepas dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh pihak Bank, dalam melaksanakan apa-apa kewajipan atau kewajipan lain, yang disebabkan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan apa-apa langkah yang diambil seperti yang dinyatakan di atas.

e) Tidak menerima apa-apa deposit daripada apa-apa wang atau cek dan/atau membenarkan atau menjalankan apa-apa transaksi lain termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan akaun IAH termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pemindahan dan pemindahan telegraf wang dari atau ke akaun IAH jika pihak Bank mempunyai sebab untuk menerima atau dimaklumkan oleh pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa akaun IAH digunakan atau terlibat dalam penipuan, penipuan yang berpotensi, jenayah kewangan, aktiviti haram, permintaan skim pelaburan kewangan haram, pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan aktiviti-aktiviti. Pihak Bank juga hendaklah (tertakluk kepada tahap yang dibenarkan oleh undang-undang), berhak untuk menutup, membekukan atau sebaliknya berurusan dengan akaun yang mana difikirkan disesuai.

**21.0 INSTRUCTIONS**

21.1 Any instructions from the IAH to the Bank in respect of Al-Awfar Account shall be in writing and signed by the IAH. Any such instructions shall be effective only upon receipt by the Bank.

**21.0 ARAHAN**

21.1 Apa-apa arahan dari IAH kepada Bank berkenaan Akaun Al-Awfar hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh IAH. Arahan-arahan tersebut hanya berkuat kuasa apabila diterima oleh pihak Bank.

**22.0 GOVERNING LAW**

22.1 These terms and conditions shall be governed by the laws of Malaysia.

**22.0 UNDANG-UNDANG**

22.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini akan ditadbir oleh atau tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

**B. SPECIFIC TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR INVESTMENT ACCOUNT**

**1.0 PRIZE DRAW**

1.1 The prize draw will be conducted every month by the Bank.

1.2 Only active accounts will be entitled for the prize draw. The Bank reserves the right to include or exclude any account as it considers necessary or appropriate.

**B. TERMA DAN SYARAT KHUSUS BAGI AKAUN PELABURAN AL-AWFAR**

**1.0 HADIAH CABUTAN**

1.1 Cabutan hadiah akan dijalankan pada setiap bulan oleh pihak Bank.

1.2 Hanya akaun aktif layak untuk menyertai cabutan. Pihak Bank berhak untuk memasukkan atau mengecualikan apa-apa akaun yang dikira perlu.

BANK ISLAM

## TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT

*(Not protected by PIDM)*

## TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR

*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

1.3 The IAH will be entitled for one (1) Eligibility Unit* based on the following qualifying criteria:-

| Frequency | Draw | Qualifying Criteria |
|---|---|---|
| Half Yearly | Special Draw | 6 months Average Balance** of RM10,000 |
| Quarterly | Quarterly | 3 months Average Balance** of RM1,000 |
| | Al-Awfar (Trust) | Monthly Average Balance** of RM100 |
| Monthly | State Level Draw*** (13 states) | Monthly Average Balance** of RM100 |
| | Monthly (Nationwide) | Monthly Average Balance** of RM100 |
| | Jom Pindah Gaji | Monthly Average Balance** of RM100 = 1 Eligibility Unit, in Salary Account |

*Eligibility Unit = Average Balance / Qualifying Criteria

**Average Balance are calculated as follows:-

= Sum of Every End of Day Balance / Number of Days

*** Draws for state Kedah and Perlis are combined.

1.4 For Jom Pindah Gaji draw whereby IAH receives salary into their Salary Account from other banks (IAH's employer using other banks to process salary payment), IAH is required to complete Jom Pindah Gaji Participation Form at any branches to allow the Bank to perform the necessary tagging. Should IAH receive the salary processed within the Bank (IAH's employer using Bank Islam to process salary payment), the Salary account will be automatically enrolled for the Jom Pindah Gaji draw.

1.3 IAH layak untuk mendapat satu (1) Unit Penyertaan* berdasarkan kepada kriteria kelayakan seperti berikut:-

| Frekuensi | Cabutan | Kriteria Kelayakan |
|---|---|---|
| Setengah Tahunan | Cabutan Khas | Baki Purata** 6 bulan sebanyak RM10,000 |
| Suku Tahunan | Suku Tahunan | Baki Purata** 3 bulan sebanyak RM1,000 |
| | Al-Awfar (Amanah) | Baki Purata** bulanan sebanyak RM100 |
| Bulanan | Cabutan Peringkat Negeri (13 Negeri) | Baki Purata** bulanan sebanyak RM100 |
| | Bulanan (Seluruh Negara) | Baki Purata** bulanan sebanyak RM100 |
| | Jom Pindah Gaji | Baki Purata** bulanan sebanyak RM100 = 1 Unit Penyertaan, dalam Akaun Gaji |

*Unit Penyertaan = Baki Purata / Kriteria Kelayakan

**Baki Purata dikira seperti berikut:-

= Jumlah Baki Harian Setiap Hari / Bilangan Hari

*** Cabutan untuk negeri Kedah dan Perlis digabungkan.

1.4 Bagi cabutan Jom Pindah Gaji di mana IAH menerima gaji ke dalam Akaun Gaji mereka dari bank lain (majikan IAH menggunakan bank lain untuk memproses pembayaran gaji), IAH dikehendaki menyempurnakan Borang Penyertaan Jom Pindah Gaji di mana-mana cawangan untuk membolehkan Bank melaksanakan penandaan yang diperlukan. Sekiranya IAH menerima gaji yang diproses di dalam Bank (majikan IAH menggunakan Bank Islam untuk memproses pembayaran gaji), akaun Gaji akan secara automatik terdaftar untuk cabutan Jom Pindah Gaji.

BANK ISLAM

## TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT
*(Not protected by PIDM)*

## TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22$^{nd}$ April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

1.5 If the prize is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prize for any item at its absolute discretion of equivalent value or with any other items whichever the Bank deems appropriate upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Prize Winners from the date prize winner announcement is scheduled to be made by the Bank. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at the Bank's branches or websites.

1.5 Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa-apa hadiah yang pihak Bank anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Pemenang Hadia.h sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh pihak Bank. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman web Bank.

1.6 The prize is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Prize Winners must accept the prize ''as it is'' and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prizes due to the variation of prices in the market during the prizes redemption/collection by them at the time stipulated by the Bank.

1.6 Hadiah ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para Pemenang Hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika mereka menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.

1.7 The prize(s) does/do not include any accessories or items shown in any advertisements and/or promotional materials as they are for illustrative purpose only.

1.7 Hadiah tidak termasuk sebarang aksesori atau barangan yang ditunjukkan di dalam apa-apa iklan dan/atau bahan promosi kerana ini hanyalah bagi tujuan ilustrasi

1.8 The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the Prize Winners. It is the responsibility of the Prize Winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.

1.8 Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab para Pemenang Hadiah sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para Pemenang Hadiah untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.

1.9 The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation of facts, and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the prize won and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and/or whatsoever suffered or sustained by the IAH/Prize Winners caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with this Campaign/Promotion or their participation in this Campaign/Promotion or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and/or as a result of any act or omission on the part of the Bank whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. The Bank shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond the Bank's control in regard to this Campaign/Promotion or anything related thereto.

1.9 Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh IAH/Pemenang Hadiah yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen/Promosi atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga daripada pihak Bank, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.

BANK ISLAM

**TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR ACCOUNT**
*(Not protected by PIDM)*

**TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN AL-AWFAR**
*(Tidak dilindungi oleh PIDM)*

***Effective 22nd April 2020 / Berkuat kuasa 22 April 2020***

1.10 All prize winners will be notified via Bank Islam's website at www.bankislam.com and/or through any other means whichever the Bank considers appropriate.

1.10 Maklumat pemenang akan dipaparkan di dalam laman web Bank Islam www.bankislam.com dan/atau melalui apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.

1.11 The Bank's decision on all matters relating to the selection of winners and prizes via the Bank's generic draw engine shall be final, conclusive and binding on the IAH and no further correspondence and/or appeal to dispute the Bank's decision shall be entertained.

1.11 Keputusan Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan pemilihan pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum Bank adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua IAH dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank akan dilayan.

1.12 Any claim for the prizes (in the event the account was closed before the crediting of the prize) must be made within 12 months from the date of the Bank's announcement.

1.12 Apa-apa tuntutan hadiah (sekiranya akaun telah ditutup sebelum hadiah dikreditkan ke dalam akaun) perlu dikemukakan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pengumuman oleh pihak Bank.

1.13 In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of the IAH. Winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank for publicity purposes.

1.13 Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi IAH. Para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang di mana-mana media mengikut budi bicara Bank. Oleh yang demikian, Bank berhak untuk menyiar atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.

1.14 Cash prizes will be credited into the Al-Awfar Account within 14 working days from the date of the Bank's announcement.

1.14 Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Al-Awfar dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh pengumuman oleh pihak Bank.

1.15 The Bank has the absolute discretion to review the criteria, eligibility, entry requirement, and frequency of the draw whatsoever from time to time as the Bank considers appropriate.

1.15 Pihak Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menyemak semula kriteria, syarat-syarat kelayakan, kemasukan, dan kekerapan cabutan hadiah dari semasa ke semasa sebagaimana yang Bank fikirkan sesuai.

**WARNING:**
**THE RETURNS ON THIS INVESTMENT ACCOUNT WILL BE AFFECTED BY THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS. THE PRINCIPAL AND RETURNS ARE NOT GUARANTEED AND THE INVESTMENT ACCOUNT HOLDER RISKS EARNING NO RETURNS AT ALL. IF THE INVESTMENT IS REDEEMED EARLY, THE INVESTMENT ACCOUNT HOLDER MAY SUFFER LOSSES IN PART OR THE ENTIRE PRINCIPAL SUM INVESTED. THIS INVESTMENT ACCOUNT IS NOT PROTECTED BY PIDM.**

**AMARAN:**
**PULANGAN AKAUN PELABURAN INI BERKEMUNGKINAN AKAN TERJEJAS OLEH PRESTASI ASET ASAS. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MEMPUNYAI RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEH SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PEMEGANG AKAUN PELABURAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PELABURAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**